


1442H / 2020 M

20 AUG 2020

UTUSAN MALAYSIA



Diiktiraf

YANG Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada Dr. Noor Hisham Abdullah di Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1442H/2020M di Masjid Negara, semalam. Turut hadir, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

Dr. Noor Hisham 'Tokoh Maal Hijrah 2020'

Dari muka 1

Duta Mesir ke Malaysia, Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib pula diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa.

Pemilihan kedua-dua tokoh itu berdasarkan sumbangan mereka dalam memartabatkan syiar Islam di peringkat nasional dan global.

Pemilihan Dr. Noor Hisham,

57, dianggap tepat dan menepati jangkaan setelah diiktiraf di peringkat global antara pakar perubatan unggul dalam merangi Covid-19.

Ketika pandemik itu melanda negara dan semakin merebak ke seluruh dunia April lalu, China Global Television Network (CGTN) melaporkan Dr. Noor Hisham antara tiga doktor terulung peringkat dunia dalam

perang menentang Covid-19, selain pakar penyakit berjangkit Amerika Syarikat (AS), Dr. Anthony Fauci dan Ketua Pengarah Kesihatan New Zealand, Ashley Bloomfield.

Ketiga-tiga mereka mengentengahkan penampilan tenang, jelas dan menyakinkan bagi menyalurkan maklumat mengenai pandemik tersebut.

Mereka menempa kejayaan

dengan muncul sebagai 'wajah' negara masing-masing dalam memerangi Covid-19.

Menerusi laporan sama, CGTN menyifatkan penampilan berprofil rendah dan bersahaja menjadi daya tarikan Dr. Noor Hisham,

Menerusi penganugerahan itu, tokoh Maal Hijrah Kebangsaan dan Antarabangsa menerima hadiah berupa pingat dan

sijil penghargaan.

Hadiah kepada dua tokoh berkenaan disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Hadir sama Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.